

PERLEMBAGAAN BAGI
PERSATUAN PERLIS KUALA LUMPUR
(PPM-004-14-15091980)

FASAL 1 NAMA PERSATUAN

1. Pertubuhan ini dikenali dengan nama

PERSATUAN PERLIS KUALA LUMPUR

selepas ini disebut “Persatuan”.
2. Singkatan Nama: PPKL
3. Takrif Nama: Persatuan ini dinamakan “PERSATUAN PERLIS KUALA LUMPUR”.
Selepas ini disebut “persatuan” sahaja.
4. Bertaraf: Negeri

FASAL 2 ALAMAT DAN TEMPAT MESYUARAT

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan adalah

NO. 25, JALAN 10/42A, TAMAN SEJAHTERA,
OFF JALAN KUCHING, SEGAMBUT,
51200 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

NO. 25, JALAN 10/42A, TAMAN SEJAHTERA,
OFF JALAN KUCHING, SEGAMBUT,
51200 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh
Mesyuarat Jawatankuasa.
2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat-menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa
kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 LAMBANG

1. Warna kuning dan biru adalah warna bendera negeri Perlis.
2. Huruf PP ialah singkatan dari perkataan Persatuan Perlis.
3. Bentuk dua huruf P ini melambangkan ahli-ahli Persatuan, yang berdiri rapat berganding
bahu menyokong dan membantu di antara satu sama lain bagi mencapai matlamat
persatuan. Bentuk bulat di atas huruf P melambangkan ikatan yang erat di kalangan ahli-

ahli persatuan dari berbilang kaum.

FASAL 4 PENAUNG

Penaung Persatuan ini ialah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis.

FASAL 5 PENASIHAT

Persatuan akan melantik beberapa orang penasihat, di antaranya termasuklah :

- a. YAB Menteri Besar Perlis.
- b. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.
- c. Lain-Lain orang kenamaan.

FASAL 6 TUJUAN DAN MAKSUD

Persatuan ini ditubuhkan untuk mencapai tujuan dan maksud seperti berikut :

- a. Menyokong dan menjunjung tinggi perinsip-perinsip Rukun Negara.
- b. Mengeratkan tali persaudaraan dikalangan anak-anak Perlis dan mereka yang ada hubungan/kaitan dengan Negeri Perlis dari segi ekonomi, sosial dan kebudayaan.
- c. Berusaha untuk bantu-membantu diantara satu sama lain. Walau bagaimanapun Persatuan ini tidak boleh mengeluarkan faedah-faedah seperti yang tersebut di dalam Seksyen II, Akta Pertubuhan 1966.
- d. Menerima serbaneka sumbangan ataupun derma bagi mengukuhkan tabung kewangan Persatuan
- e. Bekerjasama dengan lain-lain pertubuhan yang halal dan sah disegi undang-undang.

FASAL 7 BAHASA

Bahasa rasmi Persatuan ini sama ada dalam masa persidangan atau persuratan ialah Bahasa Melayu.

FASAL 8 KEAHLIAN

Keahlian Persatuan ini adalah terbuka kepada mereka seperti berikut :-

- a. Semua Anak Perlis yang berumur 18 tahun keatas.
- b. Sebarang Warganegara Malaysia yang pernah berkhidmat di dalam Negeri Perlis.
- c. Sebarang Lelaki atau Wanita yang bernikah dengan Orang Perlis.
- d. Mereka yang mempunyai sebarang hubungan dengan Negeri Perlis.

FASAL 9 PERMOHONAN MENJADI AHLI

Setiap permohonan untuk menjadi ahli hendaklah menggunakan borang khas yang disediakan oleh Persatuan, dicadang dan disokong oleh ahli yang lain. Permohonan hendaklah dikirim kepada Setiausaha untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa. Jawatankuasa adalah berhak menerima ataupun menolak sebarang permohonan untuk menjadi ahli tanpa memberikan sebab-sebab yang tertentu dan keputusan tersebut adalah muktamad. Setiap ahli yang telah disahkan keahliannya adalah mempunyai hak seperti berikut:

- a. Menghadiri setiap Mesyuarat Agong Tahunan/Luar Biasa dan berhak berucap, mencadang, menyokong ataupun membantah sesuatu isu yang dibangkitkan.
- b. Berhak mengundi atau dipilih sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Persatuan.
- c. Menerima dengan percuma sebuah buku undang-undang Persatuan ataupun pindaan-pindaannya.
- d. Memberi teguran-teguran serta buah fikiran yang membina bagi melancarkan lagi perjalanan Persatuan.
- e. Menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh Persatuan.
- f. Menerima lain-lain kemudahan kebajikan yang disediakan oleh Persatuan.

FASAL 10 JENIS-JENIS KEAHLIAN

Ahli-ahli Persatuan ini adalah terbahagi kepada dua jenis:

- a. Ahli Seumur Hidup. Ahli-ahli ini ialah ahli-ahli yang membayar yuran sebanyak RM100.00 sekali gus.
- b. Ahli Kehormat. Ahli-ahli ini adalah terdiri daripada orang-orang kenamaan yang telah banyak membuat jasa kepada Persatuan. Perlantikan mereka adalah dibuat oleh Jawatankuasa Persatuan. Ahli-ahli ini boleh menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh Persatuan tetapi tidak boleh mengundi di dalam sebarang mesyuarat Persatuan. Ahli-ahli seperti ini adalah di kecualikan daripada membayar sebarang yuran keahlian.

FASAL 11 KEWAJIPAN AHLI-AHLI

Ahli-ahli adalah bertanggungjawab di atas perkara-perkara berikut :-

- a. Menjunjung tinggi segala tujuan dan maksud Persatuan.
- b. Menjelaskan yuran tahunannya sebagaimana yang telah ditetapkan.
- c. Menjaga nama baik diri sendiri dan Persatuan ini amnya.
- d. Memberitahu Setiausaha apabila berpindah ataupun bertukar alamat.
- e. Membantu Jawatankuasa untuk mengembangkan Persatuan demi kebaikan bersama.

FASAL 12 PENGGANTUNGAN DAN PEMECATAN AHLI

Sebarang Ahli boleh dipecat oleh Jawatankuasa Persatuan sekiranya berlaku perkara-perkara berikut :

- a. Didapati melanggar peraturan-peraturan dan perlembagaan Persatuan.
- b. Sekiranya dihukum oleh sebarang mahkamah kerana terlibat dalam kes jenayah.

FASAL 13 TINDAKAN UNTUK MENGGANTUNG ATAU MEMECAT

Apabila Jawatankuasa mengambil tindakan untuk menggantung atau memecat seseorang ahli, mereka hendaklah memberitahu ahli-ahli berkenaan di atas keputusan yang telah diambil dan meminta ahli-ahli tersebut memberi alasan mengapa ianya tidak harus di pecat. Ahli berkenaan pula hendaklah memberi jawapan dalam masa 14 hari sesudah menerima notis pemecatan dengan menyatakan alasan-alasan bagi membela diri. Sekiranya Jawatankuasa tidak menerima jawapan didalam masa tempoh yang telah ditetapkan, maka secara langsung keahlian yang berkenaan akan gugur dan beliau tidak lagi berhak untuk membuat sebarang rayuan selanjutnya.

FASAL 14 RAYUAN PEMECATAN

Sekiranya Jawatankuasa menerima rayuan pemecatan daripada ahli dalam masa yang telah ditetapkan, mereka hendaklah bermesyuarat dan menimbang semula di atas keputusan asal mereka. Ahli yang dipecat bolehlah merayu kepada mesyuarat agung dan keputusan mesyuarat agung adalah muktamad.

FASAL 15 YURAN KEAHLIAN

Yuran untuk setiap ahli Persatuan ini kecuali Ahli kehormat adalah seperti berikut :

Ahli Seumur Hidup - RM100.00

FASAL 16 YURAN MASUK MENJADI AHLI

Setiap permohonan untuk menjadi Ahli adalah dikenakan yuran pendaftaran ahli sebanyak RM10.00.

FASAL 17 PENTADBIRAN PERSATUAN

a. Persatuan ini ditadbirkan oleh Jawatankuasa yang berikut yang dipilih di dalam Mesyuarat Agung dua tahun sekali.

- (1) Seorang Yang DiPertua.
- (2) Seorang Timbalan Yang DiPertua.
- (3) Seorang Naib Yang DiPertua.
- (4) Seorang Setiausaha
- (5) Seorang Penolong Setiausaha
- (6) Seorang Bendahari

(7) 7 orang Ahli Jawatankuasa Biasa

b. Yang Dipertua diberi kuasa melantik 4 orang Ahli Jawatankuasa tambahan sekiranya perlu, dengan persetujuan Jawatankuasa.

c. Semua ahli-ahli jawatankuasa dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas pemerintah di dalam persatuan ini hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.

d. Tiap-tiap calon untuk jawatan di atas hendaklah ada seorang pencadang dan seorang penyokongnya dan kemudian diundi. Kejayaan seseorang itu bergantung kepada kelebihan suara yang menyokongnya.

e. Pegawai Kanan Persatuan ini ialah Yang Di Pertua, Setiausaha dan Bendahari yang dilantik daripada ahli-ahli yang berumur tidak kurang daripada 21 tahun.

FASAL 18 KEWAJIPAN JAWATANKUASA

a. Bagi menyusun dan mengendalikan rancangan-rancangan Persatuan maka Jawatankuasa boleh melantik Jawatankuasa Kecil dengan menentukan tugas dan kuasa mereka.

b. Jawatankuasa berkuasa mentadbirkan wang Persatuan, mengeluarkan wang perbelanjaan dari tabung kewangan mengikut syarat-syarat dan undang-undang yang ditentukan di dalam Perlembagaan Persatuan.

c. Jawatankuasa hendaklah menjalankan tugas-tugas yang di putuskan oleh Mesyuarat Agong Tahunan/Khas/Mesyuarat Jawatankuasa.

d. Jawatankuasa berkuasa menjalankan sesuatu tindakan yang munasabah keatas ahli atau memotong nama-nama ahli daripada buku daftar ahli sekiranya didapati ahli itu melanggar kesopanan dan larangan Persatuan ini.

e. Jawatankuasa boleh bagi pihak persatuan menerima yuran atau derma daripada ahli-ahli ataupun daripada orang ramai ataupun daripada badan-badan yang sah perjalanannya mengikut cara-cara yang diluluskan oleh undang-undang negara.

FASAL 19 MESYUARAT

a. Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-sekurangnya tiga bulan sekali. Surat-surat pemberitahu berkenaan dengan mesyuarat itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha satu minggu sebelum tarikh mesyuarat itu dijalankan. Yang Di Pertua boleh juga mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tergempar pada bila-bila masa yang munasabah sekiranya perlu dengan memberitahu Setiausaha dan sekalian Jawatankuasa sekurang-sekurangnya 3 hari terlebih dahulu.

b. Mesyuarat Jawatankuasa sah dijalankan apabila dihadiri oleh sekurang-sekurangnya 7 orang Ahli Jawatankuasa.

c. Seorang Ahli Jawatankuasa yang tidak menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa tiga kali

berturut-turut tanpa memberi sebab-sebab yang memuaskan akan dianggap sebagai telah meletakkan jawatan. Jika ada Ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan maka mesyuarat jawatankuasa bolehlah melantik seorang Ahli Biasa yang lain untuk memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

FASAL 20 MESYUARAT AGONG

Mesyuarat Agung hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu :
Tahunan dan Luar Biasa

FASAL 21 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

a. Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun dengan secepat mungkin selepas 31hb Disember, tetapi tidak lewat dari 3 bulan selepas tamat tahun itu. Perkara-perkara yang disebutkan dibawah ini hendaklah dijadikan agenda mesyuarat tersebut :

- i. Membaca dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung yang lalu.
- ii. Perkara-perkara yang berbangkit.
- iii. Menerima dan mengesahkan Laporan Tahunan Jawatankuasa.
- iv. Menerima dan mengesahkan Penyata Kira-Kira Kewangan yang telah diaudit.
- v. Melantik Ahli Jawatankuasa baru (jika perlu).
- vi. Melantik 2 orang Juruaudit Dalaman.
- vii. Membincangkan perkara-perkara atau cadangan yang telah dibawa ke pengetahuan Setiausaha 7 hari sebelum Mesyuarat Agung dijalankan.
- viii. Lain-lain hal.

b. Notis Mesyuarat Agung Tahunan, Bersama dengan agenda, Minit Mesyuarat Agung yang lalu, Laporan Tahunan, penyata kewangan yang diaudit dan meminta usul-usul dan/atau cadangan pindaan perlembagaan untuk dibincangkan dalam mesyuarat hendaklah dihantar oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat.

c. Usul-usul untuk dibincangkan di dalam Mesyuarat Agung hendaklah dihantar oleh ahli-ahli kepada Setiausaha sekurang-kurangnya 7 hari sebelum Mesyuarat Agung.

d. Setiausaha hendaklah menghantar kepada semua ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh mesyuarat satu agenda yang mengandungi salinan minit mesyuarat, penyata tahunan, penyata kewangan yang diaudit dan usul-usul.

e. Sekurang-kurangnya 26 orang atau satu perdua daripada jumlah bilangan ahli-ahli yang berhak mengundi ikut mana yang kurang akan menjadi majoriti Mesyuarat Agung tahunan.

f. Jika satu jam kemudian dari masa yang ditentukan itu bilangan ahli yang hadir (atau majoriti) tidak mencukupi maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh (tidak lewat dari 30 hari) yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa.

g. Dalam mesyuarat yang ditangguhkan itu jika tidak juga didapati majoriti pada masa yang ditentukan maka ahli-ahli yang hadir berkuasa menjalankan mesyuarat akan tetapi tidak berkuasa meminda Perlembagaan dan membuat keputusan-keputusan mengenai semua ahli-ahli.

h. Ahli-ahli yang telah dilantik menjadi Jawatankuasa pada tahun yang lalu boleh dilantik semula jika dipilih.

FASAL 22 MESYUARAT AGUNG KHAS

a. Mesyuarat Agung Khas boleh diadakan bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa atau atas permintaan 1/3 daripada jumlah ahli Persatuan ini dengan bersurat serta menyatakan sebab-sebabnya ataupun dipandang mustahak oleh ahli-ahli Jawatankuasa .Mesyuarat ini hendaklah dijemput oleh setiausaha 14 hari terlebih dahulu sebelum mesyuarat itu dijalankan . Mesyuarat ini dilakui sah sekiranya $\frac{1}{2}$ daripada jumlah ahli atau hadir didalam mesyuarat itu

b. Seksyen 21 (f) mengenai /penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas $\frac{1}{2}$ jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan sekurang-kurangnya 6 bulan daripada tarikh ini Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidak boleh diadakan .

FASAL 23 KEWAJIPAN PEGAWAI-PEGAWAI

YANG DIPERTUA

- a. Mempengerusikan segala Mesyuarat Jawatankuasa , Mesyuarat Agung Tahunan/Khas dan segala jenis yang dipanggil mesyuarat .
- b. Menggunakan kebijaksanaan dengan adil dalam mempertimbangkan sesuatu perkara yang bersangkutan
- c. Mewakili Persatuan ini dalam segala hal atau urusan-urusan dengan pihak lain .
- d. Mengawal segala perjalanan persatuan ini
- e. Ianya mempunyai undi pemutus

TIMBALAN YANG DI PERTUA

Bertanggungjawab menggantikan atau menjalankan tugas-tugas Yand Di Pertua jika sekiranya ia tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya.

NAIB YANG DI PERTUA

Bertanggungjawab membantu Yang Di Pertua dan Timbalan Yang Di Pertua dalam urusan Persatuan dan menggantikan atau menjalankan tugas-tugas mereka.

SETIAUSAHA

- a. Bertanggungjawab diatas semua kesempurnaan perjalanan persatuan .
- b. Menerima segala permohonan untuk menjadi ahli bagi dikemukakan untuk

pertimbangan Jawatankuasa .

- c. Mencatat dan menyimpan buku-buku Daftar Ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama,no.kad pengenalan , pekerjaan dan alamat .
- d. Menjalankan urusan surat-menyurat bagi pihak persatuan ini .
- e Menerima segala surat-surat tuntutan dan mengambil tindakan mengikuti peraturan yang ditentukan dalam perlembagaan persatuan.

PENOLONG SETIAUSAHA

Menolong menjalankan dan membantu tugas-tugas Setiausaha dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan setiausaha

BENDAHARI

- a. Bertanggungjawab dan berkewajipan menjalankan urusan kewangan keluar dan masuk dengan betul.
- b. Menyediakan kunci kira-kira kewangan bulanan dan juga penyata kira-kira kewangan tahunan berakhir pada 31hb Disember. Kunci kira-kira ini hendaklah dibentangkan didalam Mesyuarat Agung setelah diperiksa oleh Juruaudit Dalam.
- c. Bertanggungjawab diatas segala wang yang diterima dan dikeluarkan bagi pihak Persatuan ini dan diberi kuasa menandatangani cek-cek atau baucer-baucer mengeluarkan wang Bersama-sama dengan Yang Di pertua atau Timbalan Yang Di Pertua dan Setiausaha.
- d. Mengutip wang dan menerima segala pembayaran dan mengeluarkan resit-resit
- e. Dibenarkan menyimpan wang untuk perbelanjaan runcit dan lain-lain yang difikirkan mustahak baginya menjalankan kerja-kerja Persatuan ini tidak melebihi RM1000.00 pada sesuatu masa .
- f. Semua bayaran yang diterima oleh Bendahari mestilah dimasukkan ke dalam Bank dalam masa 7 hari. Kira-kira simpanan wang itu mestilah atas nama Persatuan

AHLI JAWATANKUASA BIASA:

Mengawas,memikirkan segala kebaikan dan mengambil keputusan diatas segala perkara-perkara berhubung dengan urusan perjalanan Persatuan.

FASAL 24 JURUAUDIT

- a. Dua orang Juruaudit Dalam yang dilantik didalam Mesyuarat Agung Tahunan tidaklah termasuk didalam golongan Jawatankuasa.
- b. Tugas-tugas mereka ialah menyemak,memeriksa semua penyata kira-kira kewangan Persatuan ini setiap 6 bulan sekali dan memberi laporan bertulis kepada Jawatankuasa.
- c. Juruaudit Dalam juga berkuasa membuat pemeriksaan secara mengejut pada bila-bila masa.
- d. Menyedia serta memberikan laporan pengesahan mereka berkenaan dengan kewangan Persatuan ini untuk Mesyuarat Agung Tahunan .

FASAL 25 PENGAMANAH

- a. Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik

didalam Mesyuarat Agong Tahunan dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh persatuan. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap kepunyaan yang diperintahkan oleh Jawatankuasa.

b. Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukar harta kepunyaan Persatuan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agong Ahli-ahli

c. Seseorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agong oleh sebab uzur atau sebab lain yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya tidak memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang Pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baharu dilantik didalam Mesyuarat Agong.

FASAL 26 KEWANGAN

a. Semua kumpulan kewangan Persatuan ini diperoleh daripada sumber-sumber yuran masuk, yuran bulanan dan daripada pendapat melalui usaha-usaha amal, derma, bantuan, penanaman modal dan harta

b. Disyaratkan kepada peruntukan berikut dalam Perlembagaan Persatuan ini, wang Persatuan ini tidak boleh digunakan perkakas-perkakas yang berfaedah serta munasabah bagi menjalankan tujuan Persatuan, termasuk belanja pentadbiran. Wang Persatuan ini tidak boleh digunakan bagi membayar denda ahli-ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh makamah.

c. Segala cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangani oleh Bendahari dan Yang Di Pertuan atau Timbalan Yang Di Pertua atau setiausaha.

d. Perbelanjaan yang melebihi daripada RM2000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatan kuasa dan perlanjaan yang lebih daripada

RM20,000.00 bagi sebulan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM1000.00 bolehlah diluluskan oleh Yang Di Pertua Bersama dengan Setiausaha.

e. Penyata kira-kira kewangan yang diterima dan dibelanjakan berserta timbangan kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan dan diperiksa oleh Juruaudit dalam yang dilantik. Kunci kira-kira yang telah di audit itu hendaklah dikemukakan dalam Mesyuarat Agong yang berikut.

f. Tahun kewangan Persatuan ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun.

FASAL 27 PINDAAN UDANG-UDANG

Perlembagaan ini selain alamat berdaftar dan tempat urusan Pertubuhan tidak boleh dipinda

kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk pindaan perlembagaan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung yang meluluskan pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 28 TAFSIRAN

a. Diantara mesyuarat-mesyuarat agung , Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung didalam undang-undang ini.

b. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat didalam Mesyuarat Agong, Keputusan jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika atau sehingga tidak dirombak oleh keputusan Mesyuarat Agong.

FASAL 29 LARANGAN

a. Seorang pelajar Universiti atau Kolej Universiti tidak boleh diterima menjadi ahli persatuan ini kecuali ia telah dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan.

b. Persatuan ini tidak boleh mengadakan apa-apa pergabungan atau perhubungan di luar Malaysia.

FASAL 30 SALINAN PERATURAN-PERATURAN DAN PERLEMBAGAAN PERSATUAN

a. Tiap-tiap ahli berhak mendapat senaskah buku Peraturan-peraturan dan Perlembagaan Persatuan dengan percuma apabila diditerima menjadi ahli persatuan.

b. Tiap-tiap ahli boleh meminta lagi naskah buku Peraturan-peraturan dan perlembagaan Persatuan dengan syarat membayar RM1.00 bagi setiap satu naskah tambahan.

FASAL 31 KEBERHENTIAN

Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli persatuan hendaklah memberi kenyataan yang bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya

FASAL 32 PEMBUBARAN

Persatuan ini tidak boleh dibubar melainkan dengan satu keputusan yang diluluskan oleh 3/5 daripada jumlah ahli yang berdaftar. Keputusan berkenaan pembubaran ini hendaklah dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan tidak lewat daripada 14 hari setelah keputusan itu

dibuat dan segala hutang-hutang yang sah hendaklah terlebih dahulu dijelaskan sebelum bakinya itu diserahkan kepada Persatuan Kebajikan di dalam Malaysia yang sah perjalanannya mengikut keputusan didalam Mesyuarat Agung itu.

LAMPIRAN

1. Lambang



Keterangan Lambang:

Warna kuning dan biru ialah warna bendera negeri Perlis. Huruf PP ialah singkatan dari perkataan Persatuan Perlis. Bentuk dua huruf P ini melambang ahli-ahli Persatuan, yang berdiri rapat berganding bahu menyokong dan membantu diantara satu sama lain bagi mencapai matlamat Persatuan. Bentuk bulat diatas huruf P melambangkan ikatan yang erat di kalangan ahli-ahli persatuan dari berbilang kaum.